

Yen Yen sah digugurkan sebagai calon MCA di Raub
Malaysian Insider
April 8, 2013
Oleh Ida Lim

KUALA LUMPUR, 8 April - MCA hari mengesahkan Datuk Seri Ng Yen Yen (gambar) telah digugurkan daripada senarai calon Raub, kerusi parlimen yang disandangnya selama tiga penggal.

Menteri pelancongan tersebut antara tiga nama dalam senarai awal parti yang dicadangkan sebagai calon, kata ketua MCA Raub Datuk Seri Lam Kang Sang hari ini.

Walau bagaimanapun Lam berkata senarai kedua yang telah dibincang dengan perdana menteri tidak mempunyai nama Ng, lapor laman sesawang akhbar Sin Chew Daily tengahari ini.

Lam berkata telah bertemu dengan Datuk Seri Najib Razak sebanyak dua kali dan perdana memberi isyarat jelas mereka perlu meletak "calon boleh menang", menyebabkan bahagian parti terpaksa menggugurkan nama naib presiden tersebut.

Sabtu lepas, Nanyang Siang Pau melaporkan MCA Raub berkemungkinan meletak Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bilut Datuk Ho Khai Mun di Raub.

Cubaan The Malaysian Insider menghubungi Ng menemui kegagalan.

Ng sebelum ini menewaskan calon DAP di Raub, memenangi dengan 9,822 majoriti pada 2004 tetapi pada 2008 memperoleh majoriti lebih kecil sebanyak 2,752 undi pada Pilihan Raya 2008.

Ho, ahli exco negeri senior Pahang yang sudah berkecimpung dalam politik hampir dua dekad bakal berhadapan calon DAP, Datuk Mohd Ariff Sabri Abdul Aziz pada Pilihan Raya 2013.

Mohd Ariff merupakan bekas ahli dewan undangan negeri Barisan Nasional (BN) di Pulau Manis, Pahang dan menulis blong menggunakan nama pena "Sakmongkol AK47".

Nanyang Siang Pau juga menyatakan MCA Raub telah memutuskan pemimpin tempatan yang juga timbalan setiausaha organisasi Lim Teck Hoe akan bertarung dengan Choong Siew Onn wakil penyandang DAP di Tras, kerusi undangan negeri di Raub.

Akhbar harian berbahasa Cina tersebut juga berkata hubungan baik Ho-Lim mungkin dapat memastikan kemenangan kedua-dua kerusi tersebut.

Ng sebelum ini menewaskan calon DAP di Raub, memenangi dengan 9,822 majoriti pada 2004 tetapi pada 2008 memperoleh majoriti lebih kecil sebanyak 2,752 undi pada Pilihan Raya 2008.

Penduduk tempatan Raub kebelakangan tahun ini membuat bantahan terhadap penggunaan sianida dalam aktiviti perlombongan emas disana, mendakwa mereka terdedah kepada bahaya bahan kimia dan membahayakan kesihatan mereka, disamping isu tersebut menjadi isu utama Pakatan Rakyat (PR) menjelang Pilihan Raya 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/yen-yen-sah-digugurkan-sebagai-calon-mca-di-raub/>